



"Tampin Indah, Bersih & Selamat"

PEJABAT MAJLIS DAERAH TAMPIN
73000 TAMPIN

NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-4411601/4411609/4413297 Fax : 06-4413001

e-Mail : mdt@mdtampin.gov.my

Portal : http://www.mdtampin.gov.my

KENYATAAN TAWARAN

1. Pembekal-Pembekal / Kontraktor-kontraktor yang mempunyai kerja semasa di Majlis Daerah Tampin dan mendapat kerja di Pejabat Daerah Tampin, Pejabat Daerah Kecil Gemas, Jabatan Kerja Raya Tampin Serta Jabatan Pengairan Dan Saliran Tampin **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
2. Pembekal-Pembekal / Kontraktor-kontraktor hendaklah membawa Perakuan Pendaftaran Syarikat (Sijil SSM) serta Sijil Pendaftaran di Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) yang ASAL dan disahkan melalui Kad Pengenalan layak menyertai Sebutharga Pembekalan (wakil tidak dibenarkan).
3. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN** selaras dengan **PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN** yang berkuatkuasa. Pembekal dinasihatkan untuk meneliti spesifikasi dengan sebaiknya bagi memberikan harga kerja yang munasabah. **Borang Sebutharga akan diberi PERCUMA.** Borang ini boleh diperolehi di Jabatan Perancang Bandar dan Landskap MDT (Tingkat 2). Pembekal juga dinasihatkan agar mengamalkan tatacara Penjarakan Sosial (Social Distancing) semasa berurusan di kaunter MDT. Sebarang pelanggaran arahan pihak tuan akan di ambil tindakan.
4. Penyebutharga juga boleh mengemukakan Dokumen Sebutharga terus kepada Urusetia melalui surat, Faks, email atau pun menyerahkan secara serahan tangan (dokumen yang diperlukan sekurang-kurangnya senarai harga yang diperlukan dan salinan sijil-sijil yang berkaitan).
5. Borang Sebutharga yang telah **diisi dan dilengkapkan serta berlakri** hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga mengikut nombor Sebutharga yang tertera di bahagian hadapan Peti Sebutharga (Peti Tawaran) di Bahagian Perancang, Landskap & Pelaburan, Majlis Daerah Tampin. **Nombor Sebutharga dan Nama Syarikat hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang Sebutharga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan seperti di bawah.**
6. Setiap kesilapan pada Borang Sebutharga hendaklah ditandatangani balas, tidak dibenarkan menggunakan pemadam cecair.
7. **Tempoh sah laku sebutharga**
Sebutharga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh mengemukakan Sebutharga. Walaubagaimanapun Kerajaan berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku Sebutharga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.
8. Pembekal-Pembekal / Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang, Sub Bidang dan Pecahan Sub Bidang (Bekalan dan Perkhidmatan) dan masih dibenarkan untuk membuat Pembekalan Sebutharga adalah dipelawa untuk menyertai Sebutharga di bawah :-

NO. SEBUTHARGA	TAJUK PROJEK (PEMBIAYAAN)**	TARAF / JENIS SYKT	KOD BIDANG / SUB BIDANG / PECAHAN SUB BIDANG	TEMPAT PENGAMBILAN DOKUMEN SEBUTHARGA	TEMPAT / TARIKH & WAKTU SEBUTHARGA DITUTUP
SH(MDT) 08/2020-P	Pembekalan Pokok-Pokok Hidup Di Daerah Tampin	Bumiputera / Non Bumiputera Berdaftar di Kementerian Kewangan	Kod Bidang : 07 (Pertanian, Perhutanan Dan Ternakan) Sub Bidang : 02 (Tanaman, Ternakan, Baka Tanaman / Ternakan dan Sampel) Pecahan Sub Bidang : 01 (Tanaman / Baka / Benih Semaian)	Bahagian Perancang, Landskap & Pelaburan, Majlis Daerah Tampin, Negeri Sembilan D.K. 28.10.2020 hingga 03.11.2020 (Pengambilan Borang Sebutharga dibuka sehingga 02.11.2020 (ISNIN) sahaja Tempat mendapatkan Borang : Jabatan Perancang Bandar & Landskap (Tingkat 2) Masa : 8.00 pagi hingga 4.00 petang	Pejabat Majlis Daerah Tampin, 73000 Tampin, Negeri Sembilan Darul Khusus. (Di Bahagian Perancang, Landskap & Pelaburan) <u>03.11.2020 SELASA</u> Jam : 12.00 tengahari